

Urus Niaga Berunsur Riba Undang Kemurkaan Allah

Oleh: Siti Rufaidah Mohamed Nasir

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 8 Julai 2021

Menurut bahasa Arab, riba merujuk kepada lebih, pertambahan dan perkembangan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 275, maksudnya, “Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.”

Namun, banyak institusi kewangan yang menawarkan pinjaman wang secara berlesen juga mengenakan riba atau bunga dalam urus niaganya.



Gambar hiasan

Bunga merupakan tanggungan pada pinjaman wang, yang biasanya dinyatakan dengan peratusan dari wang yang dipinjamkan.

Manusia yang diuji dengan kesusahan sanggup meminjam wang untuk keperluan hidup. Ada yang sanggup meminjam wang walaupun pinjaman tersebut berunsur riba.

Pinjaman berunsur riba ini sepatutnya kita hindari, kerana ia menjerumus ke arah kemurkaan Allah SWT. Setiap Muslim wajib menjauhkan diri daripada terjebak dalam urus niaga dan pinjaman wang yang melibatkan riba.

Allah SWT telah mengharamkan riba dalam al-Quran. Hal ini sepatutnya dihindari kerana ia melanggar syariat agama Islam.

Tidak dinafikan kesan penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia menyebabkan ramai yang menganggur dan hilang pekerjaan. Akibatnya, ramai yang terpaksa meminjam wang untuk menyara keluarga dan membeli barangan keperluan harian.

Pada bulan November tahun lepas, Pengasas Kumpulan Brainy Bunch dan Malakat Mall, Mohd Fadzil Hashim seperti dilaporkan sebuah akhbar tempatan berkata, apabila kita masih meneruskan riba bermakna kita masih berperang dengan Allah SWT dan perkara ini dijelaskan secara spesifik dalam al-Quran.

Sabda Nabi Muhammad SAW, “Allah melaknat pemberi riba, pemakan riba, penulis dan penyaksi. Mereka semuanya sama” (Hadis riwayat Muslim).

Hal ini menunjukkan bahawa Allah sangat murka dan tidak menyukai orang yang terlibat dengan aktiviti berunsur riba.

Kesan riba terhadap individu, masyarakat dan ekonomi negara sangatlah berbahaya. Masyarakat yang mengamalkan riba akan mencetuskan penindasan dan menyuburkan sifat permusuhan sesama manusia.

Sistem ekonomi juga akan menjadi rapuh kerana aktiviti ekonomi yang tidak jelas dan melanggar syariat Islam yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Daripada Ibn Mas’ud, Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya riba walaupun lumayan (dari sudut kuantiti) tetapi hasilnya ia akan membawa kepada sedikit dan papa.” (Riwayat Ahmad).

Memetik tulisan pakar kewangan Islam, Dr Zaharuddin Abd Rahman, harta mereka yang terbabit dengan riba mudah hilang atau habis melalui jalan tidak berfaedah sehingga mereka rasa miskin dan fakir walaupun mempunyai wang yang banyak.

Malah, harta itu menjadi sebab ringannya pemilik melakukan maksiat, kefasikan dan menghinakan diri di sisi Allah SWT. Hilanglah sifat amanah, cenderung melakukan rasuah, penipuan dan tamak haloba.

Jadi, apakah yang perlu kita lakukan untuk mengelakkan diri daripada terjerumus dalam aktiviti yang melibatkan riba?

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa perbuatan menginfakkan harta daripada sumber rezeki yang haram adalah menjadi kewajipan pemiliknya untuk memisahkan dirinya daripada harta tersebut dan bukannya bertujuan untuk meraih pahala.

Merujuk Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam oleh Syeikh ‘Atiyyah Saqar, mereka juga hendaklah bertaubat dan berazam tidak mahu mengulangi perbuatan maksiat itu lagi.

Kita sebagai umat Islam haruslah berhenti mengamalkan riba dan mencari harta dari hasil riba. Cara yang harus dilakukan agar harta bersih dari riba adalah dengan bertaubat tidak lagi akan melakukan riba.

Oleh itu, mari kita sama-sama bermuhasabah diri. Adakah kita mahu mengejar kesenangan hidup di dunia sahaja? Sedangkan di akhirat kelak akan diazab kerana melanggar perintah Allah SWT.